

Azmin tak boleh terus membisu

Kena jelaskan kepada rakyat isu tuntutan RM4.22b Splash kepada Syabas

HASNIZA HUSSAIN

DENGKIL

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dituntut memberi penjelasan berhubung isu writ, bersama-sama dengan pernyataan tuntutan kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) oleh Splash berjumlah RM4.22 bilion.

Pengerusi BN Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, Mohamed Azmin tidak boleh terus membisu mengenai perkara itu kerana tuntutan bayaran terhadap bil tertunggak yang gagal dibayar kepada Syarikat Pengeluar Air

Sungai Selangor Sdn Bhd itu adalah sesuatu yang tidak boleh diterima.

"Rizab kerajaan Selangor juga kini tinggal RM3 bilion dan jika hutang dimiliki berjumlah RM4.22 bilion, macam mana mereka nak langsaikan keseluruhan tunggakan itu? Ini bermakna kerajaan negeri akan mufliis.

"Jadi, saya nak tanya dan rakyat pun nak tahu dari mana kerajaan negeri nak bayar kesemua hutang tersebut?," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) di Taman Gemilang, di sini, semalam.

Splash menyerahkan writ, bersama-sama dengan pernyataan tuntutan, kepada Syabas, bagi menuntut semua belum terima tertunggak yang terhutang oleh Syabas berjumlah RM4.22 bilion.

Anak syarikat 40 peratus dimiliki Gamuda Bhd itu me-



Noh ketika berucap pada majlis penyerahan kunci rumah bagi projek pembinaan semula rumah terbakar menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) di Taman Gemilang, Dengkil, semalam.

nyatakan tuntutan itu juga termasuk faedah ke atas jumlah yang belum dibayar pada setiap invois pada kadar satu peratus ditambah dengan kadar pinjaman asas Malayan Banking Bhd (Maybank), yang mana pada masa ini di-kira 6.90 peratus setahun, setiap hari mulai dari tarikh invois tersebut perlu dibayar

sehingga pembayaran penuh.

Dalam pada itu, Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, Mohamed Azmin juga di-ingatkan untuk tidak terus mengelirukan rakyat.

"Menteri besar kena jawab kepada rakyat," kata-

nya.

Sementara itu, dalam program sama, Noh memaklumkan kerajaan bukan sahaja prihatin untuk membina rumah mampu milik untuk kesejahteraan rakyat, malah turut membaik pulih banyak rumah terbakar di negara ini.

Kerajaan katanya,

info Splash menyerahkan writ bersama-sama tuntutan itu Isnin lalu

memperuntukkan RM1.5 juta bagi kos baik pulih di seluruh negara menerusi projek pembinaan semula rumah terbakar NBOS7 oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Kos baik pulih atau bina semula rumah terbakar itu menelan kos RM40, 000 bagi sebuah rumah.

Menurutnya, setakat ini, sebanyak 180 buah rumah terbakar dibaik pulih semula di seluruh negara menerusi program berkenaan dalam tempoh enam tahun dan 20 daripada jumlah tersebut melibatkan rumah di Selangor.

"Rumah baru yang kita bina melalui bomba ini dilengkapi ciri-ciri keselamatan lebih baik berbanding rumah lama," katanya.